

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

Deng Xiaoping ialah salah seorang pemimpin yang sangat penting dalam sejarah Parti Komunis China (PKC). Beliau berjaya mencapai kedudukan unggul ini adalah kerana usaha beliau dalam pelaksanaan dasar Reformasi dan Pembukaan di Republik Rakyat China sejak akhir 1978. Dasar ini berjaya mengganjukkan haluan perjuangan parti dan negaranya daripada pengamalan penentangan kelas masyarakat kepada pembinaan sebuah negara sosialis moden. Sejak itu China mula terlepas daripada belenggu pemodeenan negara yang statik.

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji idea-idea asas Deng terhadap Reformasi Pasaran yang dikemukakan olehnya. Beliau merupakan salah seorang tokoh yang bersignifikasi dalam sejarah modernisasi China pada abad ke-20. Pemikiran beliau dapat memperlihatkan adunan idea-idea moden barat dan tradisional. Oleh itu, melalui paparan idea-idea asas pemodeenan Deng, dapat memperlihatkan pengaruh pemikiran barat terhadap elit-elit China yang ingin memodenkan China.

Jangka masa pemerintahan Deng adalah dari 22 Disember 1978 sehingga 11 November 1989. Akan tetapi para pemimpin PKC yang mewarisi usaha modernisasi negara sehingga hari ini dikatakan masih dibayangi pengaruh idea-idea Deng tersebut. Ini adalah kerana selepas Deng bersara, beliau masih mendalangi perkembangan politik China. Dengan pengaruh kuat pemimpin veteran ini, dasar Reformasi dan Pembukaan berjaya diteruskan pelaksanaannya. Oleh itu, tajuk tesis ini hanya menandakan tempoh masanya bermula sejak 1978 dan tidak menetapkan tarikh penamatnya. Ini bukanlah

kerana sampai sekarang Deng masih berkuasa di China. Sebaliknya beliau telah meninggal dunia pada 19 Februari 1997. Ini merupakan satu situasi yang agak unik hanya terdapat di China.

Sebenarnya isi kandungan dasar Reformasi dan Pembukaan melibatkan banyak aspek seperti ketenteraan, kehakiman, kesusasteraan, politik, pendidikan, hubungan luar dan juga konsep "satu negara dua sistem". Bagaimanapun dalam kajian ini, Skop kajian hanya difokus kepada perbincangan idea-idea reformasi pasaran Deng. Oleh itu, bidang-bidang yang disebut di atas akan disentuh jika dirasakan perlu.

Kajian terhadap Deng Xiaoping merupakan topik yang masih hangat dijalankan sejak akhir tahun 1978 sehingga hari ini. Secara umumnya kajian-kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan China. Pada 1993, Liu Yiqiang yang berkhidmat di Jabatan Pengajaran dan Pengkajian Falsafah Akademi PKC Pusat telah mengemukakan satu statistik yang menyatakan bahawa sejak akhir 1978 hingga masa itu, buku tentang kajian terhadap Deng yang diterbitkan di China adalah lebih daripada dua ratus lebih naskah dan artikel kajian pula melebihi lima ribu buah.<sup>1</sup>

Beliau juga mengulas tentang perubahan kecenderungan kajian dalam bidang ini. Pada mulanya pengkaji-pengkaji lebih gemar menghasilkan kajian yang bersifat propaganda dan mengulangi slogan yang dilaungkan oleh Deng. Kemudian kecenderungan itu berubah kepada kajian yang mendalami sesuatu topik dan aspek kajiannya mula berkepelbagaian. Seterusnya kajian-kajian yang dilakukan lebih

---

<sup>1</sup> Liu Yiqiang, "Quonei Deng Xiaoping Sixiang Yanjiu Shuping" (Pengenalan dan Komen terhadap Kajian Pemikiran Deng Xiaoping dalam Negeri), Jabatan Pengajaran dan Pengajaran Falsafah Akademi PKC pusat (ed), *Deng Xiaoping Zhixue Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran Falsafah Deng Xiaoping) (Beijing: Penerbitan Akademi PKC Pusat, 1994), ms. 238.

memusatkan topik-topik hangat semasa tentang Deng dan pendekatan kajian mula diperbaharui.<sup>2</sup>

Bagaimanapun terdapat beberapa ciri yang tetap wujud dalam semua kajian tersebut. Ciri yang pertama ialah secara tersurat atau tersirat, pemikiran Deng dilihat sebagai satu faktor utama untuk membantu China bangkit semula pada zaman pasca Revolusi Kebudayaan. Beliau dilihat sebagai satu-satunya pembina zaman pasca Revolusi Kebudayaan yang membawa China untuk melakukan transformasi yang positif. Pendapat yang sebegini amatlah kasar dan berat-sebelah dan tentunya telah mengabaikan faktor-faktor menarik dan menolak yang juga memainkan peranan dalam pembentukan zaman tersebut.

Selain itu, pemikiran Deng juga diangkat sebagai satu falsafah yang saintifik dan dapat menjadi pedoman kepada pembangunan negara. Pemikiran beliau ini dikatakan diwarisi daripada fahaman Marxis, Leninis dan Maois, kemudian diperkembangkan oleh Deng. Pemikiran ini merupakan salah satu daripada cabang fahaman Komunis. Hasil kajian seperti begini adalah sangat banyak. Antaranya ialah *Deng Xiaoping: Sixiang yu Shijian 1977-1987* (Deng Xiaoping: Pemikiran dan Praktiknya 1977-1987)<sup>3</sup>, *Lun Deng Xiaoping Sixiang* (Perbincangan Permikiran Deng Xiaoping)<sup>4</sup> dan *Deng Xiaoping Shehui Zhuyi Lilun Yanjiu* (Kajian Sosialisme Deng Xiaoping)<sup>5</sup>.

Menurut Liu, pada zaman kini selepas Dasar Reformasi dan Pembukaan dilaksanakan, lebih banyak kebebasan telah "dikurniakan" kepada para pengkaji. Akan

---

<sup>2</sup> Ibid, ms. 239-242.

<sup>3</sup> Wu Jiaxiang, *Deng Xiaoping: Sixiang yu Shijian 1977-1987* (Deng Xiaoping: Pemikiran dan Praktiknya 1977-1987) (Hunan: Penerbitan Hunan Renmin, 1988).

<sup>4</sup> Zhang Ming dan Ding Zhuhao, *Lun Deng Xiaoping Sixiang* (Perbincangan Pemikiran Deng Xiaoping) (Shandong: Penerbitan Universiti Shandong, 1989).

<sup>5</sup> Cui Changfa, *Deng Xiaoping Shehui Zhuyi Lilun Yanjiu* (Kajian Teori Sosialisme Deng Xiaoping) (Hainan: Penerbitan Haichao, 1990).

tetapi keadaan ini hanya secara relatif berbanding dengan zaman dahulu dan bukan berbanding dengan kawasan-kawasan luar dari China. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa satu ciri yang ketara terhadap kajian-kajian dalam kategori pertama ini ialah mempunyai sekatan kebebasan akademik daripada kerajaan.

Kategori yang kedua ialah kajian-kajian yang diterbitkan di kawasan-kawasan yang majoriti diduduki oleh orang Cina yang menerima pendidikan bahasa Cina. Kawasan yang lebih penting dalam kategori ini ialah Hong Kong dan Taiwan. Ciri yang pertama dalam kategori ini ialah para pengkaji mempunyai latar belakang kebudayaan yang sama dengan penduduk di China. Oleh itu, penghayatan mereka terhadap perkembangan semasa di China tentu lebih dalam dan nyata.

Ciri yang kedua ialah hasil kajian yang dibuat dalam kategori ini tidak terdapat apa-apa halangan daripada pihak pemerintah. Pelbagai reaksi dan komen terhadap perkembangan China semasa boleh dibuat. Contohnya Zhang Jiamin yang merupakan seorang ahli Majlis Penasihat Politik Rakyat China (MPPRC, Chinese People' s Political Consultative Conference, *zheng xie*) telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Pembinaan Negara 1949-1997) mengisah serta memberi komen terhadap perkembangan sejarah China sejak PKC memerintah China. Walaupun beliau berkhidmat dengan kerajaan PKC, tetapi beliau tetap mengkritik polisi-polisi yang dirasa tidak sesuai.<sup>6</sup> Begitu juga dengan buku *Liangan Sidi: Zhongguo, Taiwan, Xianggang, Aomen, Sige Huaren Shehui de Fazhan* (Empat Kawasan yang Berada di Dua Belah Selat : Perkembangan di Empat Masyarakat Orang Cina, China, Taiwan, Hong Kong dan

---

<sup>6</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara 1949-1997) (Hong Kong: Hong Kong Policies Studies Centre, 1997). Saya pernah berjumpa dan mendapat tunjuk ajar daripada beliau pada 1998 ketika melawat ke Hong Kong. Menurut kad nama yang diberi oleh beliau, salah satu jawatan awam yang dipegang oleh beliau ialah jawatan yang disebut di atas. Menurut beliau, kerajaan PKC memberi kebebasan yang cukup besar kepada mereka yang berada di Hong Kong untuk menyuarakan pendapat.

Macau), para penulis dalam buku ini kecuali mereka yang berada di China, semuanya mempunyai sudut pandangan yang beraneka jenis secara bebas.<sup>7</sup>

Begitu juga dengan antologi artikel komentar surat khabar hasil tulisan Lu Fanzhi, Lu Qiang dan Mu Fu.<sup>8</sup> Penulis-penulis ini dapat membuat komen yang kadang-kala hebat mengkritik kerajaan PKC. Di Taiwan pula, juga terdapat beberapa institusi pengkajian China Semasa yang bermotifkan politik atau perisikan. Contohnya jika diperhatikan bibliografi yang disenaraikan dalam buku tulisan Guo Anmin yang bertajuk *Bashi Niandai Zhonggong Gaigepei zhi Xingqi yu Bianqian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi PKC pada Tahun-tahun 1980-an)<sup>9</sup>, boleh didapati bahawa terdapat agensi-agensi khas yang menjalankan kerja kajian dan pengumpulan maklumat terhadap perkembangan semasa di China.

Selain daripada itu, buku-buku yang ditulis oleh pengkaji yang keluar dari China yang pernah mengalami atau melibatkan diri dalam peristiwa-peristiwa besar sejarah China lebih bersifat pemaparan cerita-cerita sulit yang tidak diketahui umum. Antaranya seperti Ruan Ming, Gao Gao dan Han Shanbi.<sup>10</sup> Oleh itu, banyak maklumat atau pandangan yang penting atau sulit dapat dijumpai dalam kategori ini.

---

<sup>7</sup> Chen Xinlin (ed), *Liangan Sidi: Zhongguo, Taiwan, Xianggang, Aomen, Sige Huaren Shehui de Fazhan* (Empat Kawasan yang Berada di Dua Belah Selat: Perkembangan di Empat Buah Masyarakat Orang Cina, China, Taiwan, Hong Kong dan Macau) (Hong Kong: Wide Angle Press Ltd, 1997).

<sup>8</sup> Lu Fanzhi, *Zhongguo Jingji: Gaige yu Tiaozhen* (Ekonomi China: Reformasi dan Penyelaras) (Hong Kong: Yinyu Ltd and Jing Gang Guoji Keji Ltd, 1986). Lu Qiang, *Fengyun Bianhuan de Deng Xiaoping Shidai* (Era Deng Xiaoping) (Hong Kong: Baixing Wenhua Shiye Ltd, 1988). Mu Fu, *Deng Xiaoping de Zhongguo* (China di Bawah Pimpinan Deng Xiaoping) (Hong Kong: Penerbitan Kaituo, 1986).

<sup>9</sup> Guo Anmin, *Bashi Niandai Zhonggong Gaigepei zhi Xingqi yu Bianqian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi PKC pada Tahun 1980-an) (Taipei: CCP Research Magazine, 1993).

<sup>10</sup> Ruan Ming, *Deng Xiaoping Diguo* (Empayar Deng Xiaoping) (Taipei: Penerbitan Lianjing, 1993). Gao Gao, *Hou Wengeshi* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan) (Tiga jillid diterbitkan dalam tiga tahun yang berlainan, masing-masing mempunyai tajuk kecil yang berlainan iaitu: *Zhongguo Ziyouthua Chaoliu* [Arus Liberalisasi di China], *Hu Yaobang Yushubuda* [Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian] dan *Zhao Ziyang Huitianfashu* [Zhao Ziyang Gagal Menyelamatkan Keadaan]) (Taipei: Penerbitan Lianjing, 1993, 1994 dan 1999). Han Shanbi, *Deng Xiaoping Pingzhuan* (Komentar dan Biografi Deng Xiaoping) (Hong Kong: Syarikat Dongxi Wenhua Shiye, 1984).

Kategori ini lebih membantu kepada para pemerhati China Semasa kerana pandangan dan komen yang dibuat dalam kajian-kejian tersebut lebih bebas. Bagaimanapun, perkara yang dirasa kesal ialah hasil kajian ini ditulis dalam bahasa Cina yang jarang diterjemahkan ke bahasa lain untuk disebar luas. Tambahan pula perbelanjaan kajian yang digunakan dalam kategori ini secara relatif tidak banyak sehingga para pengkaji ini tidak mampu mengadakan kajian yang lebih saintifik dan sistematis.

Kategori yang ketiga ialah kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang selain daripada kategori pertama dan kedua. Biasanya kategori ini lebih ditumpukan perhatiannya kepada hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari Amerika Syarikat dan United Kingdom. Tumpuan diberikan kepada hasil kajian dari dua buah negara ini sebenarnya ada sebab yang munasabah untuk dijelaskan. Menurut Chalmers Johnson, kajian sains politik terhadap kawasan Asia Timur yang dilakukan oleh Amerika Syarikat adalah seperti "melambung di atas lautan wang".<sup>11</sup> Maksudnya pengkajian di bidang ini mendapat sumbangan dan peruntukan perbelanjaan yang cukup besar sehingga memberi gambaran seperti melambung di atas lautan wang. Bukan itu sahaja, para pengkaji dari kategori ketiga juga mempunyai kebebasan yang lebih luas, rujukan hasil kajian yang terkini dan sentiasa digalakkan mengguna pendekatan pengkajian yang lebih kepelbagaian, semuanya membolehkan mereka menghasilkan kajian yang lebih profesional dari segi akademik.

Keadaan ini benar kerana Amerika Syarikat mempunyai kepentingan yang besar di kawasan Asia Timur. Kajian-kajian ini amat berguna sebagai rujukan kepada pihak

---

<sup>11</sup> Chalmers Johnson, "Political Science and East Asian Area Studies," *World Politics*, vol. 36, no.4 (July 1974), hlm. 560.

kerajaan dan korporat-korporat untuk menetapkan dasar luar negara dan strategi pelaburan di kawasan tersebut.

Begitu juga tentang kajian PKC yang merupakan salah satu bidang kajian dalam kajian Asia Timur. Menurut Harry Harding, pendekatan kajian dalam bidang ini kini telah memasuki generasi yang ketiga.<sup>12</sup> Pada generasi pertama, iaitu dari permulaan tertubuhnya PKC sehingga ke pertengahan tahun 1960-an, para pengkaji Amerika Syarikat sentiasa memahamkan bentuk kerajaan PKC bersamaan dengan bentuk kerajaan Soviet Union yang bersifat autoritarian. Ciri pendekatan kajian generasi pertama ini adalah akibat daripada situasi perang dingin yang hangat pada masa tersebut. Oleh itu, apabila masuk ke akhir tahun 1960-an, ramai pengkaji tidak dapat menjelaskan kenapa terjadinya kempen-kempen yang bersifat populisme dalam Revolusi Kebudayaan. Sebab menurut lakaran para pengkaji tersebut, struktur kerajaan PKC ialah satu rejim authoritarian. Oleh itu, pendekantan kajian generasi kedua telah muncul pada jangkamasa yang disebutkan di atas sehingga ke akhir tahun 1970-an.

Namun akibat daripada propaganda kerajaan PKC yang cuma menekankan kejayaan-kejayaan Revolusi Kebudayaan, para pengkaji Amerika Syarikat generasi ini telah tertarik dengan corak pemerintahan China. Mereka telah membuat kata putus yang lebih positif terhadap pimpinan PKC dengan berdasarkan sumber-sumber yang tidak sempurna. Oleh itu selepas 1978, apabila lebih banyak sumber-sumber kajian dikumpul, didapati hasil kajian pada masa itu kurang tepat. Para pengkaji mula merenungkan satu pendekatan kajian yang baru untuk mendapat hasil yang lebih tepat. Harding dengan itu telah menyarankan bahawa para pengkaji generasi ini harus mementingkan pengumpulan

---

<sup>12</sup> Harry Harding, "The Study of Chinese Politics: Toward a Third Generation of Scholarship," *World Politics*, vol. 36 no. 2 (January, 1984), ms. 284-307.

maklumat-maklumat yang lebih tepat, berpandukan dengan hasil kajian sains sosial yang sedia ada dan menggunakan pendekatan kajian pelbagai disiplin untuk mendapat satu hasil kajian yang lebih baik berbanding dahulu.<sup>13</sup>

Saranan Harding ini nampaknya juga diambil pakai oleh pengkaji-pengkaji dalam kajian Deng Xiaoping. Pada tahap awal, mereka lebih menumpukan perhatian terhadap perbandingan pimpinan Deng dengan pimpinan Mao. Antara pengkaji-pengkaji ini, Immanuel Hsu mendapati susunan masyarakat baru yang terbentuk dalam zaman Deng akan berbeza dengan zaman Mao.<sup>14</sup> Harrison Salisbury pula memaparkan perbezaan sikap kepemimpinan masing-masing.<sup>15</sup>

Dalam kajian yang dibuat oleh kedua-dua pengkaji tersebut, mereka telah mendapati bahawa pengaruh Mao terhadap rakyat tidak dapat ditandingi oleh Deng. Ini adalah kerana dalam dasar Reformasi dan Pembukaan yang dilancarkan oleh Deng itu, penekanannya lebih tertumpu kepada penggalakan kebebasan diri setiap orang dan bukan mendewakan seseorang pemimpin.

David Goodman dari Universiti Sains Sydney dan Gerald Segal yang berkhidmat di Pusat Pengajian Strategi London telah menumpukan perhatian mereka kepada kepada cabaran konsep “polycentrism” dan “regionalism” terhadap kepimpinan Deng di China. Mereka berpendapat, sebagai seorang pemimpin yang mempunyai autoriti pemerintahan berdasarkan pengalaman penglibatan PKC yang begitu unik, Deng dapat mengekalkan kestabilan negara dan menganjukkan haluan pembangunan negara ke arah Reformasi Pasaran. Akan tetapi apabila Reformasi Pasaran diperluas sehingga suatu tahap yang tertentu, konsep nilai kepelbagaian ( “polycentrism” ) dan kewilayahannya

---

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Immanuel C. Y. Hsui, *China Without Mao* (New York: Oxford University Press, 1982).

<sup>15</sup> Harrison E. Salisbury, *The New Emperors* (London: Harper Collins, 1992).

( “regionalism” ) akan mencabar autoriti beliau. Sehubungan ini, mereka berpendapat bahawa ini menjadi satu cabaran yang perlu diselesaikan oleh Deng sebelum beliau meninggalkan arena politik.<sup>16</sup>

Pendapat mereka ini adalah berasaskan konsep “fragmented authoritarianism” yang dikemukakan oleh David Shambaugh, seorang pensyarah senior dalam bidang politik China dari United Kingdom. Shambaugh telah menjelaskan konsep ini dengan menyatakan bahawa salah satu sifat kepemimpinan yang berkesan ialah keupayaan seseorang pemimpin itu membentuk satu perhubungan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin yang sejawat dengannya. Maka dengan itu, setiap kali apabila beliau ingin merealisasikan idea-ideanya sebagai dasar-dasar pemerintahan, beliau dapat berunding dengan mereka dan mendapat sokongan mereka. Sehubungan itu proses lobi-melobi terhadap pemimpin sejawat dan orang bawahannya merupakan satu segmen yang sangat penting dalam model ini.<sup>17</sup> Pada masa yang sama, ini juga bermaksud bahawa dalam proses pembikinan dasar-dasar tersebut, si pemimpin tertinggi itu juga perlu berkompromi dengan pemimpin-pemimpin sejawatnya jika terdapat beberapa bahagian idea-ideanya tidak disenangi oleh mereka dan perlu memasukkan sebahagian idea-idea orang lain. Oleh itu, dasar Reformasi dan Pembukaan yang dikemukakan oleh Deng ini bukan semestinya seratus peratus merupakan hasil idea-idea beliau.

Profesor Barry Naughton dari Universiti California-San Diego pula menambah bahawa sememangnya Deng bukanlah seorang pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas dalam dasar Reformasi dan Pembukaan. Akan tetapi oleh kerana sistem politik China yang terlalu hieraki, maka idea-idea yang dibawa oleh beliau juga akan

<sup>16</sup> David S. G. Goodman dan Gerald Segal, *China Without Deng* (Sydney: E. T. T. Imprint, 1995), ms. 225.

<sup>17</sup> David Shambaugh, “Deng Xiaoping: The Politician,” *The China Quarterly*, no. 135 (September, 1993), ms. 402.

mempengaruhi perkembangan ekonomi negara pada jangka panjang.<sup>18</sup> Pandangan beliau ini terdapat satu persamaan dengan Shambaugh. Oleh sebab seorang pemimpin tertinggi yang tidak berwawasan, maka bawahannya akan mempunyai peluang untuk mengembangkan idea masing-masing dengan syarat mesti setia kepada pemimpin tertinggi tersebut.

Pengkaji-pengkaji yang disebut di atas sememangnya telah menjalankan kerja masing-masing dengan baik. Bagaimanapun kebanyakannya kajian mereka tertumpu kepada tiga bahagian yang penting, iaitu biografi Deng, dasar Reformasi dan Pembukaan yang dilancarkan dan reformasi sistem politik yang dijalankan oleh Deng. Pengkaji-pengkaji ini kurang memberikan penekanan terhadap pemikiran Deng. Tumpuan-tumpuan yang disebut di atas ini walaupun perlu merujuk atau mengisahkan pemikiran Deng. Oleh itu, tesis ini akan cuba menumpukan perhatian dalam kajian terhadap idea-idea asas yang disumbangkan oleh Deng dalam Reformasi Pasaran. Untuk tujuan ini, buku-buku dan artikel-artikel daripada tiga kategori yang disebut di atas akan dirujuk. Ini adalah supaya satu perspektif perbincangan yang baru dapat dibentuk dan tidak menjelak langkah pengkaji yang terdahulu.

Tujuan pemilihan perspektif ini adalah untuk mengenal pasti sejauhmana minda seseorang pemimpin senior China yang disedarkan oleh pemikiran Barat pada awal abad ke-20 dapat mempraktikkan proses modenisasi di negaranya. Melalui kajian ini, dapat juga kita membuat satu kesimpulan tentang keberkesanan penyemaian pemikiran moden di China.

---

<sup>18</sup> Barry Naughton, "Deng Xiaoping: The Economist," *The China Quarterly*, no. 135 (September, 1993), ms. 423.

Pada asasnya, kajian ini akan banyak merujuk dokumen-dokumen asal kerajaan PKC untuk menghurai peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa yang dikaji. Kemudian hasil-hasil kajian yang tergolong dalam kategori pertama dan kedua pula akan dijadikan sumber rujukan untuk menyemak dan menambah fakta-fakta terhadap dokumen-dokumen kerajaan PKC tersebut. Hasil kajian dari kategori yang ketiga juga banyak dirujuk fakta-fakta dan pandangan-pandangannya. Contohnya artikel-artikel daripada journal *China Quarterly* yang banyak merupakan komentar isu-isu semasa China pada masa tersebut.

Bagaimanapun terdapat satu kelemahan pada kebanyakan pengkaji dari kategori ini. Didapati sudut pandangan (view of point) mereka tidak dapat mengelak daripada sudut pandangan yang berpusatkan Barat, contohnya seperti dalam sebutan "Timur Tengah" dan "Timur Jauh" yang digunakan oleh mereka untuk membezakan kawasan-kawasan di benua Asia, "Tengah" dan "Jauh" itu adalah berdasarkan jarak kawasan tersebut dari Barat. Oleh itu, kajian ini akan melakukan satu proses penapisan terhadap bahan-bahan rujukan dalam kategori ini sebelum dipetik.

Sebenarnya sejak tahun 1970-an lagi, para sarjana Barat telah mula meragui kebenaran pendekatan-pendekatan yang diambil oleh pengkaji terdahulu dalam mengkaji sejarah moden China. Seorang sarjana dari Pusat Pengajian Asia Timur Fairbank Universiti Harvard, Paul A. Cohen berpendapat, anggapan bahawa sejarah moden China hanya bermula selepas kemasukan pengaruh-pengaruh Barat adalah satu tanggapan yang bersifat *Occidencentric*. Beliau menyarankan supaya kajian yang seterusnya perlu

bermula dari bahagian dalaman masyarakat China untuk mengetahui punca sebenarnya membawa perubahan modenisasi di negara tersebut.<sup>19</sup>

Oleh itu, dalam kajian tesis ini, sudut pandangan kajian yang diambil akan cuba mereflekskan keadaan sebenar yang berlaku di China, iaitu bagaimana modenisasi bermula di China dan ciri-ciri keunikannya. Berdasarkan tujuan kajian yang diuraikan di atas, maka tesis ini telah dirancang supaya mempunyai satu struktur perbincangan yang dibahagikan kepada enam bab. Bab satu merupakan pengenalan. Bab dua akan menghuraikan biografi ringkas Deng dan mengisahkan idea-idea pemerintahan yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin PKC yang penting pada masa selepas 1949 hingga pra 1978. Huraian idea-idea pemerintahan ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana ideologi ortodoks komunis China dibentuk. Beberapa contoh peristiwa akan diambil untuk menjelaskan ciri-ciri ideologi ini dan bagaimana ideologi ini ditokok-tambahkan.

Bab yang berikutnya pula akan memasuki fasa awal era Reformasi dan Pembukaan. Bab ini akan meneliti pandangan Deng terhadap situasi China pada akhir 1978. Apakah idea-idea asas Deng dan sejauhmanakah perbezaan idea-idea beliau ini dengan pemimpin-pemimpin yang disifatkan sebagai puak kiri atau puak “Dua Semua” ?

Dua contoh peristiwa utama akan dikemukakan dalam perbincangan dan cuba mencari jawapan untuk persoalan yang dikemukakan di atas. Peristiwa yang pertama ialah polisi penyelaras semula struktur belanjawan negara. Pandangan Deng terhadap perkembangan peristiwa ini amat menarik untuk dikaji kerana terdapat perbezaan antara

---

<sup>19</sup> Paul A. Cohen, *Discovering History in China: American Historical Writing on the Recent Chinese Past* (New York: Columbia University Press, 1984), ms. 112.

jangkaan beliau dengan perkembangan seterusnya. Peristiwa yang kedua ialah “Empat Prinsip Pengekalan” yang dikemukakan oleh beliau demi menyekat suara bantahan terhadap pemerintahannya.

Bab empat pula akan menumpukan perbincangan kepada tiga peristiwa yang berlaku dari 1983 sehingga 1986. Tiga peristiwa ini ialah pelancaran kempen anti pencemaran pemikiran, pemupukan pengganti Deng dan reformasi di bandar. Ketiga-tiga peristiwa ini dapat menolong untuk menilai sikap konservatif Deng dalam pimpinan beliau terhadap negara. Di sinilah kita dapat menggariskan satu batasan terhadap fahaman modenisasi Deng.

Bab lima ialah bab yang akan memperlihatkan keupayaan Deng menjana semula tenaga potensi dasar Reformasi dan Pembukaan. Terdapat dua situasi dalam bab ini yang akan diambil untuk menjadi perbandingan dan mencari persamaannya. Situasi yang pertama berlaku pada awal 1986, iaitu semasa Hu Yaobang baru sahaja diturunkan daripada jawatan Setiausaha Agung Pusat Parti dan telah ditanggalkan “tahkta” beliau sebagai pengganti rasmi Deng. Situasi yang kedua berlaku selepas peristiwa 4 Jun 1989. Seorang lagi pengganti Deng yang rasmi iaitu Zhao Ziyang juga terpaksa diturunkan oleh Deng. Kedua-dua situasi ini mempunyai persamaan yang nyata iaitu sentimen ghairah untuk meneruskan dasar reformasi dan pembukaan telah disekat dan keinginan para pemimpin konservatif untuk mengamalkan sistem ekonomi perancangan pusat dibangkit semula. Deng merupakan orang yang membawa kepada situasi tersebut tetapi pada masa yang sama juga beliau merupakan penyelamat keadaan. Seterusnya, bab enam merupakan kesimpulan kajian ini.